

Jemaah Menteri setuju MoU PDI ditandatangani segera

BERNAMA



M Saravanan

Putrajaya: Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju agar Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berhubung Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) dengan segera.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan berkata, beliau membentangkan cadangan pemeteraian MoU PDI itu secara rasmi pada mesyuarat Jemaah Menteri, hari ini.

Beliau akan menandatangani MoU itu bersama dengan rakan sejawatnya Menteri Ketenagakerjaan Indonesia, Ida Fauziyah pada tarikh dan masa dipersetujui oleh Malaysia serta republik itu.

"Pemeteraian MoU PDI ini akan memberikan manfaat kepada kedua-dua negara khususnya golongan PDI yang memerlukan pekerjaan dalam situasi ekonomi global masih berdepan dengan krisis Covid-19 serta majikan tempatan yang memerlukan khidmat pembantu rumah," menurutnya dalam satu kenyataan.

Kali pertama MoU PDI ditandatangani ialah pada 13 Mei 2006 di Bali disusuli Protokol Meminda MoU PDI pada 31 Mei 2011 di Bandung yang tamat pada 30 Mei 2016.

Disiarkan pada: Februari 23, 2022